

MAHATHIR

1977

KUALA LUMPUR, 25 FEB (BERNAMA). -- TIMBALAN PERDANA MENTERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEKANKAN PERLUNYA PENYELARASAN UNTUK MENCAPI MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU KERANA MASALAHNYA SEKARANG IALAH PERLAKSANAAN, TIDAK LAGI POLISI.

KATANYA, PENYELARASAN DIKEHENDAKI UNTUK MENGELAK ATAU MENGURANGKAN PERCANGGAHAN, PENINDAHAN DAN KETIDAK-TENTUAN RANCANGAN--RANCANGAN SERTA MENYALURKAN ARAHAN-ARAHAN DAN POLISI KERAJAAN PUSAT SAMPAI KEPADA OPERASI-OPERASI PERINGKAT DAERAH.

DASAR EKONOMI BARU MENENTUKAN OBJEKTIF YANG HENDAK DICAPAI DALAM JANGKAMASA YANG TERTENTU.

DR. MAHATHIR BERKATA YANG MENJADI MASALAH SEKARANG IALAH CARA DAN ANIKA JENIS HALANGAN YANG TERDAPAT DALAM MENCAPI MATLAMAT TERSEBUT.

BELIAU BERUCAP DEMIKIAN KETIKA MELANCARKAN JAWATANKUASA PENYELARASAN PENYERTAAN BUMIPUTRA DALAM PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN PERINGKAT KEBANGSAAN YANG DIPENGERUSIKANNYA SENDIRI. -- BERSAMBUNG 1151/ZCM

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

ANGGUTA-ANGGUTA JAWATANKUASA TERSEBUT TERDIRI DARI MENTERI-MENTERI BERKENAAN, MENTERI-MENTERI BESAR DAN KETUA-KETUA MENTERI SERTA WAKIL-WAKIL PENIAGA BUMIPUTRA.

DR. MAHATHIR BERKATA MASALAH YANG DIHADAPI IALAH PERLAKSANAAN DAN TIDAK LAGI POLISI SECARA MACRO, WALAUPUN SECARA MICRO PERBENTUKAN POLISI MASIH LAGI DIKEHENDAKI.

MESYUARAT PERTAMA JAWATANKUASA ITU HARI INI BERTUJUAN MEMASTIKAN JENTERA PENYELARASAN USAHA-USAHA MEMPERHEBATKAN KEGIATAN EKONOMI BUMIPUTRA SERTA FUNGSI-FUNGSI YANG PERLU DILAKSANAKAN.

IA JUGA ADALAH UNTUK MEMBINCANGKAN KEDUDUKAN PENYERTAAN BUMIPUTRA DALAM PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN SERTA HASIL-HASIL PERLAKSANAAN AJENSI-AJENSI YANG DIPERTANGGUNGJAWAKAN BAGI MEMERI BANTUAN-BANTUAN KEARAH MENJAYAKAN PENYERTAAN BUMIPUTRA DAN MASALAH-MASALAH YANG BERKAITAN. -- PERSAMBUNG 1153/ZCM

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

89

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERHARAP JAWATANKUASA ITU DAPAT DIJADIKAN ALAT YANG BERKESAN UNTUK MENCAPAI MATLAMAT DAN NISBAH PENYERTAAN BUMIPUTRA DALAM PERUSAHAAN DAN PERINDUSTRIAN.

KATANYA TERDAPAT BANYAK AJENSI KERAJAAN TERLIBAT SECARA LANGSUNG DAN TIDAK LANGSUNG DALAM USAHA MENINGGIKAN PENGLIBATAN BUMIPUTRA DALAM PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN.

TUGAS INI AMAT KOMPLEKS DAN DALAM MENJALANKAN FUNGSI INI PESAR KEMUNGKINAN BADAN-BADAN KERAJAAN BERGERAK BERSENDIRIAN DAN MENIMBAL-TINDEH KERJA, BAHKAN KADANG-KADANG PERSAING ANTARA SATU SAMA LAIN DAN MENGURANGKAN KESAN DAN FAEDAH DARI USAHA MEREKA.

BELIAU BERKATA DALAM MELAKSANAKAN SESUATU POLISI, BUKAN SAHAJA DIPERLUKAN KAKITANGAN DAN KEMUDAHAN TETAPI JUGA KUASA.

OLEH ITU JAWATANKUASA TERSEBUT DIBENTUK DENGAN AHLI-AHLI YANG TERDIRI DARI MEREKA YANG MEMEGANG TERAJU KERAJAAN DI PERINGKAT PUSAT DAN NEGERI. -- BERSAMBUNG 1157/ZCM

B520:

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR PERCAYA DENGAN ADANYA MENTERI-MENTERI PUSAT DAN MENTERI-MENTERI BESAR SERTA KETUA-KETUA MENTERI DALAM JAWATANKUASA ITU, ARAHAN YANG DIKELUARKAN DAPAT DILAKSANAKAN TANPA TERHALANG OLEH PEMILIK-PEMILIK KUASA DI PERINGKAT JABATAN DAN LAIN-LAIN PERINGKAT.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN BUKAN KERANA PEGAWAI-PEGAWAI SENGAJA MENGHALANG USAHA KEARAH PENYERTAAN BUMIPUTRA DALAM PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN TETAPI KADANG-KALA INTERPRETASI MEREKA MUNGKIN TIDAK SAMA DAN SELARAS DENGAN TUJUAN ASAL PEMBENTUK POLISI.

KEANGGOTAAN WAKIL-WAKIL PENIAGA BUMIPUTRA DALAM JAWATANKUASA ITU AKAN ERAPATKAN PERHUBUNGAN SEMUA PIHAK DAN MEMBOLEHKAN MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PENGUSAHAAN DAN PENIAGA BUMIPUTRA DIKETENGAHKAN SECARA LANGSUNG DAN MUDAH. -- BERNAMA 1200/ZCM

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR (SAMBUNGAN BERITA B520)

LEWAT PETANG INI, DR. MAHATHIR MENGUMUMKAN SATU JAWATANKUASA KERJA AKAN DITUBUHKAN TIDAK LAMA LAGI BAGI MENOLONG JAWATANKUASA PENYELARASAN DENGAN BELIAU SENDIRI MENJADI Pengerusinya.

KATANYA, ANGGUTA JAWATANKUASA ITU AKAN TERDIRI DARIPADA MENTERI-MENTERI DAN MENTERI-MENTERI BESAR.

KATANYA LAGI JAWATANKUASA BESARNYA JUGA AKAN DITAMBAH ANGGUTANYA UNTUK MEMASUKI MENTERI PERTANIAN, DATUK ALI HAJI AHMAD DAN MENTERI KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH, DATUK HAJI MOHAMAD ASRI BIN HAJI MUDA.

ANGGUTA JAWATANKUASA BESAR SEKARANG INI TERDIRI DARIPADA MENTERI KEWANGAN, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH, MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, DATUK HAMZAH ABU SAMAH, MENTERI PERUSAHAAN UTAMA, DATUK MUSA HITAM, MENTERI KERJARAYA DAN KEMUDAHAN, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG DAN MENTERI PENYELERASAN PERUSAHAAN AWAM, DATUK HAJI MOHAMAD YAACOB DAN SEMUA MENTERI BESAR. -- BERNAMA 2057/LK